

DATE
PAPER
TITLE
BY

: 14 MARCH 2019 (THURSDAY)
: BERITA HARIAN/ DASAR & PENTADBIRAN/ PG 4
: MALAYSIA MASIH LAKSANA DASAR PANDANG KE TIMUR
: IRWAN SHAFRIZAN ISMAIL & ZANARIAH ABD MUTALIB

Malaysia masih laksana Dasar Pandang ke Timur

BERITA HARIAN / DASAR & PENTADBIRAN / PG 4

(FOTO BERNAMA)

➔ Pelajar kita kekal dihantar ke Korea Selatan ikuti pengajian teknologi baharu

Oleh Irwan Shafrihan Ismail dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Malaysia masih menggunakan Dasar Pandang ke Timur, malah kekal menghantar pelajar ke Korea Selatan untuk mendalami ilmu kejuruteraan dan teknologi maklumat (IT), kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Korea Selatan juga bersetuju pelajar Malaysia terus dihantar negara berkenaan bagi mengikuti pengajian dalam bidang berkaitan, termasuk teknologi baharu.

"Kedua-dua negara bersetuju pelajar Malaysia terus dihantar ke Korea Selatan dalam bidang kejuruteraan, IT dan teknologi baharu agar Malaysia dapat bergerak

selaras kemajuan republik itu ketika ini," katanya.

Dr Mahathir berkata kesepakatan itu antara hasil dicapai pada pertemuan beliau dengan Presiden Korea Selatan, Moon Jae-in serta hasil mesyuarat delegasi kedua-dua negara di sini, semalam.

Pertingkat hubungan

Bercakap pada sidang media bersama Jae-in di Bangunan Perdana Putra selepas mesyuarat berkenaan, beliau berkata, Malaysia dan Korea Selatan juga sepakat mempertingkatkan hubungan kedua-dua negara dalam pelbagai bidang, merangkumi perindustrian, pengangkutan, pembangunan bandar pintar dan industri halal.

"Perbincangan menyentuh kerjasama dalam sektor perindustrian dan berkaitan makanan halal. Mereka (Korea Selatan) sangat berminat memenuhi keperluan pelancong Muslim ke negara itu, selain memastikan produk mereka mematuhi status halal.

"Saya juga ingin berkongsi mengenai apa yang dimaklumkan Presiden Korea Selatan bahawa negaranya memulakan proses perindustrian mereka dengan pengeluaran kereta dan lihat di mana mereka sekarang. Kita juga bermula dengan kereta, tetapi kita

tidak mencapai kejayaan seperti Korea Selatan capai," katanya.

Terdahulu, kedua-dua pemimpin menyaksikan pemeteraian empat memorandum persefahaman (MoU) kerjasama dalam industri berkaitan Revolusi Industri Keempat serta bidang pengangkutan dan pembangunan bandar pintar di Malaysia.

Yang turut dimeterai, MoU dalam industri halal di antara Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) Malaysia dengan Agensi Promosi Pelaburan Perdagangan Korea (KOTRA).

Perdana Menteri yang berharap keempat-empat MoU ditandatangani itu dapat mempertingkatkan perdagangan kedua-dua negara, berkata terdapat banyak bidang untuk Kuala Lumpur dan Seoul bekerjasama, sekali gus memberi kesinambungan kepada Dasar Pandang Ke Timur dilaksanakan Malaysia.

Beliau juga menzahirkan harapan agar hubungan Malaysia dan Korea Selatan dapat dipertingkatkan serta keadaan di Semenanjung Korea stabil.

"Kami bersetuju untuk bekerjasama lebih rapat demi keamanan dan kemakmuran Semenanjung Korea dan wilayah ASEAN. Malaysia berharap hubungan Ko-



Dr Mahathir menerima kunjungan Jae-in di pejabatnya di Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

rea Selatan dan Korea Utara bertambah baik dan perjanjian di antara Amerika Syarikat dapat membuahkan hasil yang baik, sekali gus menjamin keamanan di Semenanjung Korea," katanya.

Berminat terbabit industri halal

Sementara itu, Jae-in berkata, Korea Selatan berminat untuk terbabit dalam industri halal termasuk hal ehwal pensijilan serta penyelidikan berkaitan, selain bekerjasama dalam bidang keselamatan siber sebagai sokongan status Malaysia yang akan menjadi tuan rumah Persidangan Ekonomi Asia Pasific (APEC) tahun depan. Pada masa sama, Presiden Korea

Selatan itu turut memuji kemakmuran yang dicapai Malaysia dan peranan negara ini yang diterajui Dr Mahathir dalam memupuk kestabilan di rantau ASEAN.

"Korea Selatan mempunyai Dasar Selatan Baharu yang turut memabatkan Malaysia. Justeru, kerjasama strategik seperti ini dapat memperkasakan lagi hubungan antara negara dan kemakmuran rakyat," katanya.

Tahun lalu, perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Korea Selatan mencatatkan peningkatan 7.2 peratus kepada AS\$17.98 bilion (RM72.60 bilion), berbanding AS\$15.76 bilion (RM67.71 bilion) pada 2017.